

**Lebih 80,000 Pengunjung Hadir Rumah Terbuka PM Di Pekan
Bernama
17 Ogos, 2013**

PEKAN, 17 Ogos (Bernama) -- Kira-kira 80,000 tetamu menghadiri majlis rumah terbuka Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor di Taman Tasik Sultan Abu Bakar di sini, Sabtu.

Turut berangkat ke majlis itu Sultanah Pahang, Sultanah Hajah Kalsom dan hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Pekan Datuk Ishak Muhamad berkata kira-kira 200 gerai dari 160 pembekal makanan sekitar Pekan menyediakan pelbagai juadah raya termasuk makanan tempatan seperti kambing panggang, opor daging, puding raja, laksa Pahang, kuih-muih tradisional, nasi beriani, nasi bukhara, nasi minyak dan roti jala.

"Pada majlis kali ini juga kita menambah jumlah juadah kambing panggang iaitu sebanyak 50 ekor berbanding 30 ekor pada tahun lepas, berikutan ramai pengunjung menggemari menu istimewa itu," katanya.

Pada majlis itu, Najib turut menyampaikan sumbangan kepada 150 bakal jemaah haji dari Pekan serta 40,000 beg cenderahati kepada pengunjung terawal.

Majlis turut diserikan dengan persembahan artis seperti Awie (Wings), penyanyi Syed Sobrie, Azie, Nash, Shura, Raja Azura dan Lan Pet Pet.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970591>